

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATUK PAUL IGAI

TARIKH : 31 MAC 2022 (KHAMIS)

SOALAN NO. 35

Datuk Paul Igai minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakan Kerajaan akan melaksana semula pencarian pesawat MH370 yang hilang sejak tahun 2014 memandangkan ada kenyataan dalam media tentang kemungkinan penemuan terbaru mengenai lokasinya dan apakah keputusan rasmi terhadap tragedi nahas MH17 dan adakah kedua-dua kes ini akan dibuka semula.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1. Aspirasi untuk mencari pesawat MH370 tidak akan diabaikan. Sekiranya terdapat maklumat atau petunjuk baru yang sahih dan kukuh (*credible evidence*) diperolehi, maka operasi pencarian selanjutnya akan dipertimbangkan oleh Kerajaan.
2. Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan mengambil maklum bahawa Biro Keselamatan Pengangkutan Australia (ATSB) sedang meneliti data baharu yang dikeluarkan oleh seorang jurutera aeronautik Britain, Richard Godfrey, yang mendakwa terdapat petunjuk baharu dalam mengenal pasti lokasi pesawat MH370 yang hilang. Kementerian Pengangkutan akan bekerjasama dengan ATSB sejurus hasil keputusan daripada penelitian tersebut diperolehi kelak.
3. Sebarang perbincangan lanjut akan diadakan dengan Kerajaan Republik Rakyat China dan Australia berdasarkan bukti yang boleh dipercayai, yang mungkin membawa kepada pencarian baharu bagi pesawat yang hilang itu.
4. Sama seperti ATSB, Kementerian Pengangkutan tidak boleh mengulas secara terperinci tentang kesahihan penilaian Richard Godfrey tanpa semakan dan pengesahan pihak ketiga.
5. Berhubung tragedi nahas MH17, Malaysia sentiasa berpendirian teguh dan komited dalam usaha ke arah memastikan keadilan untuk semua mangsa, keluarga mangsa dan pihak-pihak yang terlibat dalam tragedi nahas penerbangan MH17.
6. Malaysia menekankan bahawa pentingnya proses perundangan yang telus dan berkredibiliti, berdasarkan prinsip '*rule of law*' agar keadilan dapat ditegakkan.

7. Malaysia telah memeterai perjanjian *Joint Investigation Team* (JIT) pada 4 Disember 2014 bersama pihak Belanda, Australia, dan Ukraine. Perjanjian tersebut bertujuan untuk memfokuskan penyiasatan jenayah terhadap tragedi pesawat Syarikat Penerbangan Malaysia MH17. Buat masa ini, Malaysia dalam proses untuk melanjutkan perjanjian JIT kali ke-9 yang akan berkuat kuasa dari 8 Mac 2022 sehingga 8 Mac 2023.
8. Malaysia kekal komited terhadap proses penyiasatan yang dijalankan oleh pihak JIT dan akan terus komited bagi memastikan bahawa proses itu adalah telus, boleh dipercayai, bukan bermotifkan politik serta berkesan.
9. Perbicaraan MH17 masih berlangsung di *The District Court of The Hague* dan keputusan mahkamah dijangka akan diputuskan pada hujung tahun 2022. Dalam hubungan ini, Malaysia akan menghormati sebarang keputusan Mahkamah kelak.

Sekian, terima kasih.

